

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai data banci trafik di semua jalan utama (Key Urban Traffic Movement) seperti Jalan Tuaran, Jalan Lintas, Jalan Sulaman, Jalan Sembulan Penampang Bypass dan CBD Bandaraya Kota Kinabalu setiap hari dan nyatakan bilangan kenderaan setiap jalan dari 2010-2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data bancian trafik kebangsaan, jumlah kenderaan di Kota Kinabalu telah meningkat dari 33,000 kenderaan sehari pada tahun 2010 kepada 56,000 kenderaan sehari pada tahun 2014. Maklumat data bancian ini dicerap di stesen bancian Jalan Kota Kinabalu - Telipok – Tuaran sahaja (stesen bancian HR203).

Maklumat statistik bilangan kenderaan di Kota Kinabalu dari tahun 2010 hingga 2014 untuk tempoh 24 jam dan pada waktu puncak ialah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kenderaan (24 jam)	Bil. Kenderaan (Waktu Puncak)
2010	33,317	2,732
2011	41,409	2,856
2012	48,832	4,230
2013	54,193	3,286
2014	56,417	3,615

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukkan bagi sekolah mubaligh di kawasan Bandar Kuching (P195) serta di Kawasan Parlimen Stampin (P196). Senaraikan secara terperinci setiap sekolah yang terlibat serta jumlah peruntukan bagi setiap sekolah tersebut semenjak tahun 2012-2015.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tahun 2012 sehingga 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengagihkan peruntukan sebanyak **RM 69,108,986.85** kepada **127** sekolah Mubaligh di seluruh negeri Sarawak. Daerah Kuching diperuntukkan sebanyak **RM9,003,725.56** sebagaimana agihan peruntukan mengikut sekolah adalah seperti berikut :

1	SK ST THOMAS (M)	RM 385,418.00
2	SK ST MARY (M)	RM 550,418.00
3	SK ST JOSEPH (M)	RM 297,500.00
4	SK ST TERESA (M)	RM 633,739.50
5	SK ST THERESA,	RM 603,644.43

PADUNGAN

6	SK CATHOLIC ENGLISH (M)	RM 803,559.35
7	SK ST ANDREW (M)	RM 946,084.43
8	SJK(C) ST PAUL(M)	RM 750,484.43
9	SMK ST JOSEPH (M)	RM 638,278.22
10	SMK ST TERESA	RM 837,983.70
11	SMK ST THOMAS (M)	RM 1,348,110.00
12	SMK ST MARY (M)	RM 1,298,505.50